



Kami Sedia Membantu
Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan



UNIT KUALITI DAN INOVASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

Unit Kualiti & Inovasi (Perubatan) dianggotai oleh seorang Penolong Pengarah (Pegawai Perubatan) dan seorang Ketua Jururawat, serta dipantau oleh Ketua Penolong Pengarah (Perubatan).

Antara aktiviti teras yang dijalankan oleh Unit Kualiti & Inovasi merangkumi bidang di bawah:

- Pemantauan berkala NIA/KPI di setiap hospital sebulan/3 bulan/6 bulan sekali, meneliti laporan SIQ (jika ada) dan menganalisa data pencapaian yang diterima dari setiap hospital. Data ini kemudiannya dihantar kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun pada tahun 2014, semua indicator kualiti yang dipantau ditukar kepada KPI dan HPIA (Hospital Performance Indicator for Accountability), yang mana banyak indicator baru perlu dipantau dan kebanyakannya di bawah sub kepakaran.
- Pemantauan berterusan serta memudahkan komunikasi antara hospital dan KKM dalam memastikan kesemua 9 hospital di negeri Kedah mempunyai sijil akreditasi MSQH yang sah. Bahagian Perubatan sendiri telah membiayai 6 orang pegawai hospital untuk mengikuti latihan di MSQH pada 2014 dan seterusnya memastikan mereka berkongsi maklumat tersebut dengan staf hospital yang lain melalui echo training. Hal yang sama dilakukan untuk program MS ISO9001 bagi mana-mana hospital yang berminat.
- Memantau aktiviti dan mengumpulkan laporan Incident Reporting yang menggalakkan staf kesihatan melaporkan insiden-insiden tersenarai dalam Manual Incident Reporting oleh KKM. Setiap tahun terdapat peningkatan insiden yang dilaporkan, antaranya kerana peningkatan kesedaran tentang perkara ini di kalangan staf kesihatan.
- Memantau aktiviti di hospital yang berkaitan dengan kepuasan pelanggan, termasuk Reten Piagam Pelanggan Teras & Barisan Hadapan, dan juga kajian kepuasan pelanggan Servqual.
- Memastikan ada latihan berterusan dalam meningkatkan aktiviti peningkatan kualiti termasuk HSA (Hospital Specific Approach), KIK (Kumpulan Inovatif & Kreatif), Inovasi, Healthy Setting dan Clinical Audit. Bagi tahun 2014, kami memberi fokus kepada aktiviti HSA dan telah mengadakan Bengkel HSA pada bulan Mac dan Ogos 2014.

- Unit Kualiti & Inovasi juga merupakan Urusetia bagi Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu Kualiti Negeri. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri ini diadakan 2kali setahun bagi membincangkan aktiviti berkaitan kualiti di semua bahagian.
- Mesyuarat Jawatan Kuasa Kawalan Infeksi Negeri juga diadakan 2kali setahun bagi membincangkan aktiviti kawalan infeksi di Bahagian Perubatan, Kesihatan Awam dan Pergigian.
- Unit kualiti dan inovasi juga menyelaraskan data pencapaian KPI YBMK dan KPK diperingkat JKN Kedah

Beberapa aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014:

- 1) Audit Performance Indicator yang dipantau oleh setiap hospital dilakukan secara silang, sebanyak 2 kali setahun. Bagi penggal pertama, audit di 9 buah hospital telah dijalankan di antara bulan April dan Mei. Manakala bagi penggal kedua, audit telah dijalankan antara bulan November dan Disember. Secara purata, pencapaian audit di semua hospital melebihi 80% dan diharap pencapaian yang memuaskan ini dapat dikekalkan.
- 2) Pertandingan Inovasi dan Projek Kualiti telah diadakan pada 3 November 2014 yang mempertandingkan kategori QA (HSA/DSA), Inovasi dan Healthy Setting. Pemenang akan mewakili negeri Kedah ke Konvensyen Inovasi Zon Utara 2015, dan Konvensyen QA Kebangsaan 2015.
- 3) Beberapa aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan yang telah dijalankan termasuk Bengkel HSA, Bengkel Penulisan Clinical Audit dan Bengkel Akreditasi.

Buat masa ini, unit ini sedang merancang dan berusaha untuk membangunkan Bank Projek Peningkatan Kualiti yang akan mengumpulkan semua tajuk-tajuk Projek QA, Inovasi dan Healthy Setting yang pernah menyertai konvensyen di peringkat JKN Kedah.

Oleh kerana aktiviti kualiti semakin hari semakin menjadi perhatian, unit ini berharap lebih banyak aktiviti kualiti dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh bukan sahaja di Bahagian Perubatan, malah di semua bahagian yang lain. Pada masa hadapan, unit ini akan terus berkembang dan memerlukan lebih banyak tenaga kerja.